

28 MAY 2002

Najib-Umno

TIGA USUL AKAN DIBAHASKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

PEKAN, 28 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sebanyak tiga usul akan dibahasakan pada perhimpunan agung Umno yang dijadualkan berlangsung pada 20-22 Jun depan.

Katanya, tiga usul itu ialah usul perbahasan kepada ucapan dasar presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, usul pendidikan dan usul agama dan sosial.

"Kita percaya yang presiden Umno (Dr Mahathir) akan menyentuh beberapa perkara penting dalam ucapan dasar, daripada segi perbahasan usul saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Usul dan kita akan bantangkan tiga usul untuk dibahasakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Persatuan Nelayan Nenasi, di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata ketika perbahasan usul-usul nanti beberapa perkara berkaitan seperti isu penguasaan bahasa Inggeris, Malaysia sebagai sebuah negara Islam, isu meritokrasi dan isu-isu nasional lain dijangka akan disentuh oleh para perwakilan.

Beliau berkata apa yang lebih penting ialah selepas perhimpunan itu setiap anggota Umno perlu memperbaharui iltizam dan semangat mengukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Kita akan baharui semangat dan iltizam untuk kukuhkan parti, di mana pada masa ini kita sememangnya berada di landasan pemulihan politik yang baik sejak pilihan raya umum lepas dan berjaya meraih kemenangan di beberapa pilihan raya kecil dan terbaru ialah di Ketari.

"Pemulihan itu berjalan lancar dan selepas perhimpunan agung itu kita akan menggiatkan lagi semangat kita untuk memantapkan parti di semua peringkat," katanya.

Ketika ditanya mengenai jemputan pemimpin Gereja Roman Katolik Pope John Paul II untuk bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Vatican City, Najib berkata pertemuan itu sangat sesuai ketika imej kurang positif terhadap penganut Islam pada masa ini yang dikaitkan dengan keganasan.

"Kita lihat bahawa langkah Perdana Menteri untuk bertemu Pope ini adalah satu langkah amat sesuai, seorang pemimpin dari negara Islam sanggup berjumpa dengan ketua gereja Katolik, bermakna Islam tidak menghalang dialog antara agama dan seterusnya akan memberi imej yang baik kepada Islam," katanya.

Beliau yakin Perdana Menteri dapat memberikan penjelasan sebenar mengenai Islam ketika pelbagai masalah membabitkan umat Islam sejagat seperti di Palestin dan kegiatan keganasan yang sering dikaitkan dengan Islam pada masa ini.

-- BERNAMA

MS RHM